

**NO. SOALAN: 78**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ**

**TARIKH : 7 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9599**

**SOALAN:**

**Dato' Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh Kementerian dalam usaha memastikan tiada mana-mana ejen perisik luar melaksanakan aktiviti mereka termasuk pembunuhan di negara ini seperti mana dalam kes Kim Jong-Nam.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak mempunyai maklumat berkaitan jumlah ejen pengintip luar negara yang berada dalam negara memandangkan tiada negara asing mengistiharkan agen perisikan mereka kepada pihak berkuasa negara ini. Kementerian melalui Cawangan Khas, Polis Diraja Malaysia sentiasa memantau rapi aktiviti perisikan agen-agen asing di Malaysia yang mampu menggugat keselamatan negara. Sekiranya terkesan sebarang maklumat yang membabitkan kegiatan perisikan yang melanggar undang-undang negara, PDRM akan mengambil tindakan berpandukan kepada peruntukan undang-undang sedia ada.**